

Ruj Kami : ST (IP/JKE) KE/01/01/02()
Tarikh : 23 Oktober 2015

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,
62100 Putrajaya, Malaysia.
T: +603 8870 8500 F: +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78

Semua Pengilang & Pengimport
Kelengkapan Bantal Pemanas Elektrik

Y. Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN: LARANGAN KEMASUKAN, PENGILANGAN, PEMPAMERAN,
PENGIKLANAN DAN PENJUALAN KELENGKAPAN BANTAL PEMANAS
ELEKTRIK DI MALAYSIA.**

Dengan hormatnya ingin saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman Y. Bhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, Suruhanjaya Tenaga (ST) telah menerima beberapa aduan mengenai kes kemalangan elektrik melibatkan produk bantal pemanas elektrik yang meletup ketika ianya sedang digunakan. Siasatan lanjut melalui pengujian keselamatan ke atas produk tersebut mendapati ianya tidak memenuhi spesifikasi standard keselamatan yang ditetapkan sekaligus tidak terjamin keselamatannya kepada pengguna.

3. Sebagai makluman, di bawah Peraturan 101(2), Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, dinyatakan bahawa, jika mana-mana kelengkapan adalah, pada pendapat Suruhanjaya, tak selamat dan berbahaya atau kemungkinan menjadi tak selamat atau berbahaya untuk digunakan, Suruhanjaya boleh melarang pengilangan, pengimportan, pameran, pengiklanan atau penjualan kelengkapan itu. Sehubungan itu, Suruhanjaya Tenaga mengambil tindakan melarang kemasukan, pengilangan, pempameran, pengiklanan dan penjualan kelengkapan bantal pemanas elektrik melainkan jika kelengkapan ini memenuhi standard MS IEC 60335-1:2005.

4. Ketetapan ini akan berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.



MOHD ELMI BIN ANAS

Pengarah
Jabatan Kawalselia Keselamatan Elektrik
Suruhanjaya Tenaga